

Kepenyairan Yahya M.S Dan Suhaimi Haji Muhammad: Bandingan Tokoh Penyair Prolifik Brunei Dan Malaysia
Authorship of Yahya M.S and Suhaimi Haji Muhammad: Comparison of Prolific Poets of Brunei and Malaysia

¹*Syahwal Nizam Haji Yani*
Syahwalyani@gmail.com

²*Maslin Haji Jukim/Jukim*
maslin.jukim@gmail.com

^{1,2} *Fakulti Sastera dan Sains Sosial*
Universiti Brunei Darussalam.

² *Corresponding author*

Received: 20 January 2022; Published: 15 May 2023

Haji Yani, S. N., & Jukim/Jukim, M. (2023). Kepenyairan Yahya M.S Dan Suhaimi Haji Muhammad: Bandingan Tokoh Penyair Prolifik Brunei Dan Malaysia. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 11(1), 12 - 31. Retrieved from <http://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/170>

ABSTRAK

Yahya M.S dan Suhaimi Haji Muhammad ialah penyair prolifik di negara masing-masing. Di Brunei, Yahya M.S sebagai salah seorang pelopor dalam penulisan puisi bercorak keislaman. Di Malaysia, Suhaimi Haji Muhammad sebagai pelopor aliran surrealism dan membawa aliran yang menyimpang daripada puisi-puisi sezamannya. Kedua-dua tokoh puisi ini hebat memanfaatkan genre puisi untuk mengkritik, mengupas isu masyarakat, menegur ketidakwajaran masyarakat, mendidik akhlak dan menjadikan puisi sebagai wadah berdakwah. Kedua-dua tokoh puisi ini bukan sahaja galak mengemukakan pelbagai isu universal dan semasa, malah juga menghasilkan puisi yang unik dengan gaya bahasa yang tinggi hinggakan kedua-duanya pernah dikategorikan sebagai penyajak kabur. Persamaan latar penyair ini mewajarkan kedua-duanya untuk dibandingkan. Objektif penelitian ini adalah untuk membandingkan ketokohan penyair melalui latar belakang penyair serta mengupas kecenderungan kedua-dua tokoh dalam menghasilkan karya. Oleh yang demikian, penelitian ini bertolak dari persoalan sejauh mana persamaan dan perbezaan latar belakang Yahya M.S dan Suhaimi Haji Muhammad memberikan impak serta mempengaruhi penghasilan karya mereka. Penelitian terhadap perbandingan tokoh dan kepenyairan amat penting dilakukan bagi mencerminkan kecenderungan kedua-dua tokoh penyair prolifik ini dalam menghasilkan karya.

Kata Kunci: Kepenyairan, penyair, prolifik, Suhaimi Haji Muhammad, Yahya M.S

ABSTRACT

Yahya M.S and Suhaimi Haji Muhammad are prolific poets in their respective countries. In Brunei, Yahya M.S as one of the pioneers in writing Islamic poetry. In Malaysia, Suhaimi Haji Muhammad as a pioneer of surrealism and brought a trend that deviated from the poems of his contemporaries. Both of these poetic figures are great at utilizing the genre of poetry to criticize, discuss community issues, rebuke the unworthiness of society, educate morals and make poetry as a medium for preaching. These two poetic figures not only dared to present various universal and current issues, but also produced unique poems with a high linguistic style that both were once categorized as obscure poets. The similarity of this poet's background justifies the two for comparison. The objective of this study is to compare the poet's character through the poet's background as well as to examine the tendency of

both characters in producing works. Therefore, this study departs from the question of the extent to which the similarities and differences in the backgrounds of Yahya M.S and Suhaimi Haji Muhammad impact and influence the production of their work. Research on the comparison of figures and poetry is very important to reflect the tendency of these two prolific poets in producing works.

Keywords: Authorship, poet, prolific, Suhaimi Haji Muhammad, Yahya M.S

PENGENALAN

Yahya M.S¹ dan Suhaimi Haji Muhammad² merupakan dua nama yang tidak asing lagi dalam dunia penulisan sastera Melayu. Kedua-dua penulis prolific ini mempunyai bakat dan falsafah diri yang kuat dalam menghasilkan karya sehingga mampu menarik minat khalayak pembaca untuk menelaah dan menyelidik serta mendalami karya kedua-dua tokoh ini. Mereka mula berjinak dalam dunia penulisan ketika sedang menuntut di bangku sekolah. Walaupun berbeza aliran persekolahan, kedua-dua berkongsi minat yang sama dalam bidang penulisan. Aliran agama yang dipelajari Yahya M.S tidak sedikit pun menghalang beliau untuk berkarya dan meminati dunia sastera. Sajak-sajak yang beliau hasilkan banyak mengemukakan isu-isu universal tentang kehidupan, kemanusiaan, kemasyarakatan dan keislaman. Namun begitu, beliau tetap mengemukakan dan mengekalkan identiti kebruneian dalam penulisan dan gaya bahasa sajak-sajak beliau. Begitu juga dengan Suhaimi Haji Muhammad. Suhaimi merupakan seorang penyair yang amat subur dan konsisten dalam kepenyairannya. Harris Effendi Thahar (1982) berpendapat Suhaimi menulis puisi bagaikan melakukan ibadah sehari-hari kerana beliau seolah sentiasa resah mencari rahsia kehidupan.

Kajian ini bertujuan membandingkan ketokohan dan kepenyairan Yahya M.S dan Suhaimi Hami Muhammad. Kedua-dua tokoh ini mempunyai semangat yang kental dalam berkarya. Masing-masing mempunyai prinsip dalam menghasilkan karya terutama genre puisi. Latar belakang kegamaan yang dimiliki oleh kedua-dua penyair ini menjadi asas teguh dalam penghasilan puisi Melayu moden. Yahya M.S berlatarkan pendidikan agama rasmi dari Universiti Al-Azhar, Mesir; Suhaimi Haji Muhammad pula berlatarkan pendidikan pondok Tarekat Naqsyabaniyah. Dengan melakukan perbandingan latar belakang dan kepenyairan kedua-dua tokoh ini, diharapkan dapat mencerminkan kecenderungan penyair dalam menghasilkan karya mereka.

OBJEKTIF

Kajian ini adalah sebuah kajian bandingan bertujuan membandingkan ketokohan serta kepenyairan Yahya M.S dan Suhaimi Haji Muhammad. Kedua-dua penyair merupakan tokoh penyair Islam di negara masing-masing yang pernah memenangi pelbagai anugerah sastera termasuk *SEA Write Award* dan Anugerah Sastera MASTERA. Di samping itu, Yahya dan Suhaimi mempunyai latar belakang pendidikan agama yang cukup kuat menjadikan kedua-dua tokoh ini cenderung menghasilkan puisi-puisi Islam. Sebagai penyair yang pernah berjaya sebagai seorang guru, kedua-dua penyair

¹ Yahya M.S ialah nama pena bagi Yang Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Yahya Haji Ibrahim. Beliau telah mula menghasilkan puisi sejak tahun 1950an. Puisi-puisi awal beliau disiarkan dalam beberapa buah akhbar dan majalah di dalam dan di luar negara. Antara media di Brunei yang menyiarkan karya-karya awal beliau ketika itu ialah *Berita Brunei/Berita Borneo dan Malaysia*. Karya-karya puisi beliau banyak disiarkan di beberapa buah akhbar dan majalah di dalam dan di luar negara seperti *Utusan Kanak-Kanak, Tunas, Utusan Zaman, Mastika* dan *Berita Minggu*.

² Suhaimi Haji Muhammad merupakan penerima Anugerah Sasterawan Perak (1987). Beliau terkenal sebagai penyair surealis dan mistik Melayu akhir abad ke-20 dalam perkembangan kesusasteraan Melayu moden. Mulai 1960 hingga 1980, beliau memberikan dedikasinya terhadap penulisan puisi surealis dan mulai 1980, beliau memberikan dedikasi terhadap penulisan puisi mistik hingga ke akhir penulisan beliau. A.Rahim Abdullah (1997) dalam pengantar buku *Arca Impian* (Suhaimi Haji Muhammad, 1997) menganggap Suhaimi sebagai penyair yang membawa penyimpangan (deviation) dalam dunia perpuisian Melayu. Suhaimi tetap merupakan penyair yang bersejarah (historical poet) dalam kesusasteraan Melayu. Pengucapan surelismenya cuba menggantikan pengucapan realisme semenjak tahun 1950an menjadi tanda kewujudannya yang jelas dalam perkembangan Kesusasteraan Melayu moden.

cenderung memanfaatkan media sastera sebagai wadah didaktisme bagi mendidik khalayak pembaca. Justeru, penelitian ini menampilkan bandingan ketokohan Yahya dan Suhaimi melalui latar belakang penyair dan kekuatan kepenyairan kedua-dua tokoh dalam penciptaan puisi.

METEDOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah perbandingan iaitu membandingkan aspek kepengarangan atau kepenyairan dua orang tokoh di dua negara. Kajian ini akan membandingkan Yahya M.S dan Suhaimi Haji Muhammad. Pendekatan bandingan merupakan salah satu disiplin dalam kajian kesusasteraan. Ia bermula di negara Eropah dalam rumpun kesusasteraan Eropah. Disiplin ini dipelopori oleh penulis-penulis dari Perancis antaranya Fernand Baldenspenger, Jean Marie Carre dan Paul Van Tiegham. Menurut Hashim Awang (1994: 55), kesusasteraan bandingan ini dapat diiktiraf sebagai satu penelitian sastera antara negara dan juga meneliti hubungan sastera dengan bidang disiplin-disiplin ilmu yang lain. Kesusasteraan bandingan memperlihatkan bahawa ruang lingkup bandingan bukan sahaja merangkumi satu bidang atau disiplin ilmu sahaja malah lebih daripada satu ilmu yang kadangkala turut melangkaui kesusasteraan kebangsaan. Dengan kata lain, kesusasteraan bandingan adalah membandingkan antara sastera sesebuah negara dengan sastera negara lain. Fungsi kesusasteraan bandingan pula adalah untuk memperluaskan atau memperkayakan perspektif, mentautkan kesusasteraan dengan bidang lain dan menghubungkan masyarakat dengan kesusasteraan.

Susan Basnett (1993) menegaskan bahawa sastera bandingan adalah pemahaman dan pembelajaran teks melangkaui budaya, berciri antara disiplin dan berkaitan dengan pola dalam kesusasteraan melangkaui ruang dan waktu. Begitu juga kajian yang dilakukan ini, iaitu perbandingan di antara Yahya M.S dan Suhaimi Haji Muhammad. Kedua-dua penyair ini mempunyai latar budaya yang berbeza. Yahya M.S di negara Brunei Darussalam dan Suhaimi Haji Muhammad di negara Malaysia. Walaupun pada dasarnya kedua-dua negara merupakan masyarakat Melayu, tetapi kedua-dua negara mempunyai identiti dan jati diri yang berbeza. Tambahan lagi, kedua-dua tokoh ini walaupun mempunyai latar pendidikan Islam yang kukuh, namun kaedah pembelajaran dalam pendidikan Islam yang berlainan. Perbezaan latar belakang itu dengan sendirinya mempunyai perkaitan yang dimaksudkan oleh Susan Basett (1993) iaitu membandingkan kesusasteraan melangkaui perbezaan dalam ruang dan waktu. Oleh itu, penelitian ini menggunakan teori bandingan bagi membandingkan ketokohan dan kepenyairan Yahya M.S dan Suhaimi Haji Muhammad.

ANALISIS DAN PERBICANGAN

M.H. Abrams menyatakan bahawa sastera itu adalah cerminan masyarakat (Sahlan Mohd Saman 2009:68). Perasaan hati dan pengalaman-pengalaman hidup seseorang penulis dalam kehidupan dicurahkan sepenuhnya. Kebebasan inilah yang membolehkan pembaca atau khalayak melihat pelbagai ragam isi yang diluahkan penyair. Setiap puisi mempunyai isi, mesej atau perutusan dan amanat (pesan) yang mahu disampaikan oleh penulis atau penyairnya. Tujuan merupakan hal yang mendorong penyair untuk menciptakan puisinya. Ia disampaikan sama ada secara langsung atau tidak langsung dan mungkin dinyatakan dengan terus terang oleh penyair.

Penyair atau sasterawan mencipta sesebuah karya berdasarkan sensitiviti mereka terhadap keadaan sekeliling mereka. Dalam hal ini, penciptaan karya ditentukan juga oleh pengaruh alam sekeliling penyair termasuk latar pendidikan, tempat membesar, budaya setempat, masyarakat sekeliling dan pelbagai hal yang mempengaruhi penyair dalam kecenderungan berkarya. Oleh itu, untuk memahami kepenyairan Yahya M.S dan Suhaimi Haji Muhammad, wajar terlebih dahulu latar belakang kedua-dua tokoh ini diketahui kerana melalui latar belakang penyair boleh mencerminkan kecenderungan penyair dalam berkarya.

Latar Belakang

Nama sebenar Yahya M.S ialah Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya M.S bin Haji Ibrahim. Pemilihan kosa kata Yahya M.S banyak dipengaruhi persekitaran kehidupan masyarakat kampung air kerana beliau tinggal di Kampung Ayer di Negara

Brunei Darussalam. Beliau lahir di Kampung Lurung Sikuna, Brunei pada 21 Ogos 1939. Yahya M.S merupakan anak kelahiran tulen Kampung Ayer. Walau bagaimanapun, zaman remaja beliau jarang di Kampung Ayer memandangkan Yahya M.S bersekolah di Sekolah Melayu di Singapura, Malaysia dan Mesir.

Suhaimi Haji Muhammad pula anak Kampong Kota Lama Kiri, Kuala Kangsar, Perak dan dilahirkan pada 8 Februari 1934. Rumahnya terletak di tebing Sungai Perak kepunyaan bapanya; Haji Muhammad bin Hassan dan ibunya bernama Hajjah Darwiah binti Ya'akub. Dia merupakan anak kelima daripada lapan adik beradik. Suhaimi Haji Muhammad yang datang dari keluarga berada telah berumahtangga dengan Halijah binti Ismail, seorang guru (Baharuddin Zainal, Safian Hussain, Sarah Sadon, A.M.Thani, 1981: 383]. Suhaimi Haji Muhammad lebih awal menghasilkan karya daripada Yahya M.S. Keterlibatan Suhaimi Haji Muhammad dalam bidang sastera ini jelas atas sebab usia tua atau senioriti beliau jika dibandingkan dengan Yahya M.S. Suhaimi Haji Muhammad ternyata tua tiga tahun daripada Yahya M.S. Suhaimi Haji Muhammad merupakan penyair sufi dan penyair dari negeri Perak, Malaysia.

Latar Pendidikan

Yahya M.S berorientasikan pendidikan agama rasmi manakala Suhaimi Haji Muhammad pula berorientasikan pendidikan pondok. Walau bagaimanapun, situasi pendidikan awal Yahya M.S dan Suhaimi Haji Muhammad agak kurang sama pada peringkat awal pendidikan. Yahya M.S bermula di Sekolah Melayu iaitu pada tahun 1946 hingga tahun 1950. Apabila tamat Darjah 5, Yahya M.S memulakan pembelajaran di peringkat menengah satu di Sekolah Inggeris iaitu pada tahun 1951 hingga tahun 1953. Kemudian beliau melanjutkan lagi pelajarannya di Sekolah Arab Al-Junied, Singapura iaitu pada tahun 1953 hingga tahun 1958. Selepas tamat tingkatan 5 menengah itu, Yahya M.S kemudian melanjutkan pelajarannya di Kolej Islam Malaya dan memperoleh Sijil Tertinggi Kolej Islam Malaya pada tahun 1962.

Suhaimi Haji Muhammad pula memulakan pendidikan awalnya di sekolah Melayu dan kemudian melanjutkannya di sekolah Inggeris rendah dan menengah di negeri Perak. Pendidikan awal Suhaimi Haji Muhammad bermula di Sekolah Melayu Kuala Kangsar hingga Jepun menyerah kalah iaitu sekitar tahun 1940 hingga 1944. Kemudian apabila Inggeris kembali menjajah Tanah Melayu, dia meneruskan pelajarannya di Clifford School, Kuala Kangsar sehingga darjah empat iaitu sekitar tahun 1946 hingga 1948. Namun pada tahun 1948 dia bertukar ke Sekolah Melayu, Kuala Kangsar tetapi tahun berikutnya iaitu pada tahun 1949, dia bertukar lagi ke Sekolah Melayu, Bukit Chandan berhampiran Istana Iskandariah. Di sini pada sebelah pagi dia belajar secara formal tetapi di petang hari Suhaimi Haji Muhammad belajar agama. Pada tahun 1949 dia lulus darjah enam Melayu dan sijil persekolahan agama darjah enam Kerajaan. Kelulusan ini melayakkan beliau menjadi guru sekolah di Kamunting iaitu pada tahun 1950, kemudian berpindah mengajar ke sekolah Melayu Sungai Setar, Parit Buntar pada tahun 1951.

Suhaimi Haji Muhammad menyambung pengajian di Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI), Tanjung Malim bermula 1951 hingga 1954. Beliau menjadi guru selepas menerima latihan di Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI) sekitar tahun 1951 hingga 1954. Di MPSI, beliau pernah menjadi Setiausaha Persatuan Penuntut. Setelah tamat latihan perguruan di MPSI, beliau diiktiraf sebagai guru terlatih dan ditawarkan mengajar di Sekolah Melayu Padang Empang, Kuala Kangsar pada tahun 1955. Setahun kemudian dipindahkan pula mengajar di Sekolah Melayu Tanah Kebun, Parit Buntar. Dalam tempoh ini beliau mengisi waktu lapang khususnya pada hari Sabtu dan Ahad dengan belajar tajwid al-Quran daripada Ustaz Alias Abdullah. Di samping itu, Suhaimi Haji Muhammad juga menyambung semula pendidikannya dengan belajar petang di Sekolah Inggeris Methodist, Nibong Tebal, Seberang Perai pada tahun 1961. Kemudian pada tahun 1962 hingga 1966 dia belajar pula di Sekolah Methodist, Parit Buntar pada sebelah petang antara jam 1.00 hingga 6.30 petang. Berkat usaha gigih itu, pada tahun 1966 beliau lulus *Senior Cambridge* dengan memperolehi *Overseas School Certificate* (OSC) dan *Malaysian Certificate of Education* (MCE) dalam pengantar bahasa Inggeris. Pada tahun 1967, dia menyambung pelajaran ke tingkatan enam di Sekolah Anderson, Ipoh tetapi tidak sempat menduduki peperiksaan *Higher School Certificate* (HSC) kerana jatuh sakit. Namun begitu kerjayanya sebagai guru diteruskan di Sekolah Menengah Menglembu, Ipoh sekitar tahun 1966

hingga tahun 1971. Di samping Sijil *Senior Cambridge*, Suhaimi Haji Muhammad juga memiliki Sijil Sekolah Agama yang membolehkannya menjadi guru agama, namun Suhaimi Haji Muhammad memilih menjadi guru biasa (Suhaimi Haji Muhammad 2015: 225-226).

Latar pendidikan Yahya M.S dan Suhaimi Haji Muhammad di awal pendidikan mereka ternyata berbeza. Suhaimi Haji Muhammad mempunyai latar pendidikan Melayu dan Inggeris, di samping latar pendidikan agama. Yahya M.S pula juga memulakan latar pendidikan di sekolah Melayu dan Inggeris, tetapi melanjutkan pendidikan agama secara rasmi hingga kemudiannya melanjutkan lagi pengajiannya di Sekolah Arab dan menerima sijil ugama di peringkat ijazah secara formal. Yahya M.S melanjutkan lagi pengajiannya sehingga memperolehi Ijazah Sarjana Sastera Al-Azhar dalam jurusan Pengajian Arab di Universiti Al-Azhar, Mesir pada tahun 1964 hingga tahun 1967. Suhaimi Haji Muhammad pula bergiat aktif belajar ugama di peringkat sekolah pondok dan madrasah. Suhaimi Haji Muhammad mendapat pelajaran agama Islam iaitu ilmu tauhid, fiqh, tasawuf, tajwid, hadis, tafsir, al-Quran dan banyak lagi dengan beberapa orang tuan guru, di beberapa buah sekolah dan pusat-pusat pengajian agama Islam. Beliau juga pernah mempelajari ilmu tajwid secara khusus selama 10 tahun, dan mempelajari ilmu lagu al-Quran dengan dua guru, kerana ingin menjadi seorang qari yang baik (Suhaimi Haji Muhammad 2015: 225).

Setelah mengajar di pelbagai sekolah rendah dan menengah lebih 20 tahun, iaitu sehingga 1975. Kemudian menjadi editor majalah kesusasteraan semasa berkhidmat di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur bermula pada tahun 1975. Suhaimi Haji Muhammad berkhidmat dengan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kuala Lumpur sehingga 1989. Sewaktu merantau selama 25 tahun di Kuala Lumpur, Suhaimi Haji Muhammad sempat mempelajari dan mendalami bahasa Arab daripada pensyarah-pensyarah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) termasuk Ustaz Nordin bin Ahmad di samping memasuki kelas di Masjid Negara.

Situasi pendidikan Suhaimi Haji Muhammad yang pelbagai itu juga serupa dengan situasi pendidikan Yahya M.S. Setelah tamat pengajian tinggi mendapatkan ijazah sarjana di Mesir, Yahya M.S seterusnya melanjutkan lagi pendidikan beliau ke peringkat ijazah doktor falsafah dalam bidang Kesusasteraan Tradisional di Universiti Malaya. Pendidikan agama Suhaimi Haji Muhammad juga tidak terhenti. Beliau tekun melanjutkan pendidikan agamanya. Suhaimi Haji Muhammad mempelajari ilmu tajuwid menerusi ustaz Haji Ahmad bin Ali dari tahun 1980 hingga 1990; taranum (lagu al-Quran) dengan ustaz Tarmizi di Masjid Taman Putera, Ampang serta ilmu tafsir, tasawuf, fiqh, tauhid, hadis daripada guru pondok tempatan. Kemudian Suhaimi Haji Muhammad memperkukuhkan Ilmu Islam yang dipelajari itu dengan pembacaan serius beberapa buah buku beraliran tasawuf, fiqh, sirah Nabi, sufism serta buku berkaitan Islam. Bidang ini tidak lama diceburi sebaliknya dia meneruskan kembali kegiatan keilmuan Islam. Buktinya pada tahun 1980 beliau menerima ijazah tarekat Naqsyabandiah daripada Tuan Guru Haji Ma'aruf bin Ya'akub, Lenggeng, Negeri Sembilan.

Di samping itu, Suhaimi Haji Muhammad juga dilantik sebagai bilal dan imam gantian di Surau Taman Maluri, Kampung Pandan, Kuala Lumpur. Berdasarkan latar pendidikan Yahya M.S dan Suhaimi Haji Muhammad ini menunjukkan bahawa karya sastera yang dihasilkan selama ini sememangnya berpaksikan latar belakang pendidikan yang sangat tinggi. Kredibiliti Yahya M.S dan Suhaimi Haji Muhammad sememangnya tidak disangkal dalam menghasilkan karya yang berfaedah kepada khalayak pembaca. Latar pendidikan terutama dalam ilmu agama menjadi sebab karya-karya yang dihasilkan mempunyai mutu yang amat tinggi dan bermanfaat dalam mendidik khalayak pembaca menjadi insan mulia.

Kerjaya Dan Penglibatan Organisasi

Yahya M.S dan Suhaimi Haji Muhammad merupakan penyair guru. Kedua-dua tokoh ini memulakan kerjaya awal mereka sebagai seorang guru. Yahya M.S sebagai guru ugama manakala Suhaimi Haji Muhammad pula guru terlatih bagi sekolah Melayu. Kerjaya Yahya M.S bermula sebaik sahaja beliau menamatkan pendidikannya di Kolej Islam Malaya. Yahya M.S memulakan kerjayanya sebagai seorang Guru Ugama Terlatih iaitu pada 1 Mac 1964 hingga 28 Februari 1965. Kemudian pada tahun 1967, beliau menjadi Pegawai Ugama di Jabatan Hal Ehwal Ugama sehingga tahun 1970. Sekitar menjadi Pegawai Ugama inilah Yahya M.S menyandang beberapa jawatan dan tanggungjawab yang

mengangkat dan mengetengahkan nama beliau, di antaranya Yahya M.S menjadi Pemangku Setiausaha Majlis Ugama Islam pada tahun 1968 dan Pemangku Pengetua Sekolah Menengah Arab pada tahun 1969. Setelah itu, Yahya M.S kemudiannya memikul tanggungjawab sebagai Penguasa Pelajaran Ugama dari tahun 1970 hingga 1974.

Atas usaha dan prestasi yang cemerlang, Yahya M.S kemudiannya dilantik menjadi Timbalan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Brunei dari tahun 1974 hingga tahun 1986. Kemudian menyandang jawatan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama pada tahun 1986 hingga 2005. Jawatan ini merupakan jawatan yang paling lama dijabat oleh Yahya M.S sehingga pada tahun 2008, atas pengetahuan yang amat luas tentang ilmu agama, beliau dilantik menjadi Ketua Hakim Syar'ie. Latar pendidikan Yahya M.S sebagai seorang guru hampir sama juga dengan Suhaimi Haji Muhammad yang memulakan kerjayanya juga sebagai seorang guru terlatih³ yang ketika itu ditawarkan mengajar di Sekolah Melayu Padang Empang, Kuala Kangsar pada tahun 1955. Setahun kemudian dipindahkan pula mengajar di Sekolah Melayu Tanah Kebun, Parit Buntar. kerjayanya sebagai guru diteruskan di Sekolah Menengah Menglembu, Ipoh dari tahun 1966 hingga tahun 1971.

Yahya M.S dan Suhaimi Haji Muhammad bukan sahaja aktif dalam penulisan dan kepegangan, malah juga aktif melibatkan diri dengan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan iaitu penglibatan dalam masyarakat. Yahya M.S pernah menjadi Naib Yang Dipertua Majlis Hal Ehwal Ugama Islam dalam tahun 1975 hingga 1986. Selepas itu, Yahya M.S menjadi ahli Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja pada tahun 1978. Kemudian menjadi Setiausaha Persatuan Sejarah Brunei sejak ditubuhkan dalam tahun 1987. Di samping itu, Yahya M.S juga merupakan ahli Majlis Mesyuarat Adat Istiadat Negara pada tahun 1989. Dalam dunia kesusasteraan, Yahya M.S merupakan Ketua I Angkatan Sasterawan dan Sasterawani Brunei (ASTERAWANI) pada tahun 1968-1978. Yahya M.S juga merupakan Pengerusi Tetap Majlis Belia-Belia Brunei pada tahun 1972 – 1982. Selain melibatkan dalam persatuan atau majlis di peringkat kebangsaan, Yahya M.S juga terlibat dalam peringkat serantau. Yahya M.S juga merupakan ahli jawatankuasa kerja Majlis Da'wah Islam Serantau Asia Tenggara dan Pasifik dari tahun 1988 hingga 1996; dan mewakili Negara Brunei Darussalam di Persidangan Majlis Bahasa Indonesia-Malaysia (MBIM) sebagai pemerhati dalam tahun 1982.

Begitu juga Suhaimi Haji Muhammad, beliau juga aktif melibatkan diri dengan aktiviti-aktiviti organisasi bukan kerajaan. Semasa di Ipoh, beliau bergiat cergas dalam NGO dengan mengasaskan Badan Kebudayaan Melayu Tenaga Utama (PERTAMA) pada tahun 1970 sekaligus menjadi pengerusi sehingga tahun 1974. Semasa PERTAMA di bawah kepimpinannya, pada tahun 1973 badan ini pernah menganjurkan Seminar Penulis Malaysia Barat di Ipoh. Pada tahun 1974 pula, beliau bersama penulis Perak, Baharuddin Kahar, Ahmad Mahmud dan Abdul Latif Bidin menubuhkan pula persatuan penulis yang diberi nama GATRA DUA dan lantas menjadi pengerusinya selama tiga tahun (1974-1977). Semasa memimpin GATRA DUA iaitu pada tahun 1975, Suhaimi Haji Muhammad meninggalkan kerjaya perguruan sebaliknya memilih jawatan Pembantu Pegawai Penyelidik Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) di Kuala Lumpur.


Suhaimi Haji Muhammad pernah menjadi anggota redaksi majalah *Dewan Sastera* dan *Dewan Bahasa* bersama-sama Kris Mas, Usman Awang, Baha Zain, Anwar Ridzuan dan Sutung Umar RS. Suhaimi Haji Muhammad juga pernah bertugas di Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Sastera sebagai Pegawai Penyelidik mulai tahun 1978 sehingga 1989 kerana bersara ketika berusia 55 tahun setelah berkhidmat dengan Kerajaan selama 36 tahun. Di samping melaksanakan tugas hakiki, ketika di DBP beliau banyak terlibat dalam memberi ceramah, membenteng kertas kerja serta membimbing calon penulis dari seluruh negara. Setelah bersara, Suhaimi Haji Muhammad menjadi kontraktor kelas F dengan mengambil kontrak kerja pembaikan pejabat-pejabat kerajaan di Kuala Lumpur antara tahun 1993 hingga tahun 1998. Sewaktu di Kuala Lumpur dan di Seri Petaling sekitar tahun 1990an, Suhaimi Haji Muhammad juga pernah melibatkan diri dengan kumpulan tabligh. Pada tahun 1999 isteri yang dicintainya, Halijah binti Ismail, seorang guru kerajaan telah meninggal dunia

³ Secara menyeluruh beliau menjadi guru di beberapa buah sekolah termasuk Sekolah Melayu Asam Kumbang, Taiping; Sekolah Kebangsaan Padang Ampang, Kuala Kangsar; Sekolah Kebangsaan Tanah Kebun, Parit Buntar; Sekolah Menengah Inggeris Menglembu, Ipoh dan Sekolah Kebangsaan Tambun, Ipoh. Rujuk halaman akhir *Dewan Sastera* April 1998 bagi maklumat lanjut.

di Hospital Universiti Kebangsaan, Cheras, Kuala Lumpur. Justeru pada tahun 2001, Suhaimi Haji Muhammad mengambil keputusan meninggalkan kota kosmopolitan Kuala Lumpur yang fana itu kembali ke negeri asalnya, Perak dan menetap di Lot 3971, Jalan Tempua, Kampung Dato' Ahmad Said Tambahan Dua, Gugusan Manjoi, Ipoh. Di akhir hayat beliau, Suhaimi Haji Muhammad menghabiskan sisa-sisa usianya dengan berbakti kepada masyarakat dengan menjadi bilal dan imam gantian di Surau Al-Ikhlasih, Jalan Pemimpin, Gugusan Manjoi, Ipoh, Perak Darul Ridzuan.

Dunia Penulisan

Yahya M.S dan Suhaimi Haji Muhammad merupakan tokoh puisi Islam di negara masing-masing. Kedua-dua tokoh puisi Islam ini mula berkecimpung dalam penciptaan puisi sekitar tahun 1950-an. Walau bagaimanapun, Suhaimi Haji Muhammad bermula lebih awal daripada Yahya M.S. Puisi-puisi awal Yahya M.S dan Suhaimi Haji Muhammad disiarkan dalam beberapa buah akhbar dan majalah di dalam dan di luar negara. Kedua-dua tokoh ini bukan sahaja aktif menghasilkan satu jenis genre karya sahaja, tetapi keunggulan kedua-dua tokoh puisi ini juga boleh diperhatikan melalui pelbagai jenis penulisan yang dihasilkan mereka, baik dalam penulisan karya kreatif atau bukan kreatif. Keaktifan kedua-dua penulis prolific ini bolehlah digambarkan melalui rajah tersebut:



Rajah 1: Cabang Penulisan yang dikuasai oleh Yahya M.S dan Suhaimi Haji Muhammad

Rajah 1 menunjukkan kehebatan kedua-dua penulis prolific Malaysia dan Brunei dalam menghasilkan penulisan mereka. Yahya M.S dengan kelebihanannya selaku seorang agamawan keluaran universiti Al-Azhar memaksimumkan semua genre kreatif. Walau bagaimanapun, penciptaan terhadap genre novel dan drama tidak konsisten kerana Yahya M.S lebih menumpukan kepada puisi. Manakala cerpen pula lebih banyak menumpukan kepada cerita pendek yang berunsurkan cerita Islam. Berbanding Suhaimi Haji Muhammad, beliau turut menghasilkan beberapa genre lain selain puisi, iaitu genre cerpen dan drama, malah genre cerpen merupakan karya pertama Suhaimi Haji Muhammad yang ditemui diterbitkan. Seperti Yahya M.S, Suhaimi Haji Muhammad juga lebih dominan terhadap menghasilkan karya-karya puisi jika dibandingkan dengan genre lain.

Dari sudut penulisan bukan kreatif pula, Yahya M.S menghasilkan pelbagai jenis penulisan seperti rencana umum, penulisan ilmiah, penulisan ugama dan juga kritik sastera. Manakala Suhaimi Haji Muhammad juga tidak ketinggalan memberikan ulasan beliau dalam bentuk rencana, terutama

rencana tentang sastera. Menurut Zabidin Hj Ismail (2010) pula, Suhaimi telah menghasilkan pelbagai kumpulan puisi, cerpen, esei kritikan dan pernah menyusun atau menyelenggarakan karya penulis lain dalam bentuk buku. Suhaimi Haji Muhammad telah mengusahakan 33 kumpulan puisi perseorangan, 27 buah buku antologi puisi bersama, 3 buah buku cerpen perseorangan, empat buah buku antologi cerpen bersama, dua buah buku kumpulan esei kritikan, lebih kurang 89 tajuk esei kritikan dlm majalah/akhbar, lebih 10 buah tulisan kata pengantar dalam buku, dua buah kumpulan skrip drama bersama, dan ada juga terlibat menjadi penyelenggara buku biografi, puisi dan kamus.

Kedua-dua tokoh ini aktif menghasilkan pelbagai jenis penulisan. Walau bagaimanapun, Yahya M.S dan Suhaimi Haji Muhammad berkongsi kebolehan yang sama dalam menghasilkan genre puisi terutama sajak. Minat serta kebolehan yang luar biasa yang dimiliki oleh Yahya M.S menyebabkan karya mereka diterbitkan dan disiarkan dalam pelbagai jenis media. Antara media yang pernah memuatkan karya kreatif dan deskriptif Yahya M.S ialah *Bahana, Beriga, Mekar, Berita Borneo, Berita Brunei, Bintang Harian, Dewan Bahasa, Dewan Sastera, Fikiran Rakyat, Hiburan, Karya, Majalah Ad-Dirasatul – Arabiyah Wal-Islamiyah, Majalah Jabatan Hal Ehwal Ugama, Mastika, Mingguan Malaysia, Muda-mudi, Muslimin, Pedoman, Radio Brunei, Radio Singapura, Salam, Sinaran Suchi, Suara Brunei, Suara Rakyat, Utusan Kanak-kanak, dan Utusan Zaman*. Berbeza pula dengan Suhaimi Haji Muhammad, Yahya M.S banyak mengeluarkan karya-karyanya melalui media-media semasa, namun Suhaimi Haji Muhammad pula ialah penyair yang giat dalam usahanya menerbitkan puisi-puisinya dalam bentuk buku. Dengan keyakinannya yang tersendiri dalam mencipta puisi, Suhaimi Haji Muhammad tidak pernah bimbang terhadap sambutan atau penolakan pembaca pada puisinya. Walau bagaimanapun, Suhaimi Haji Muhammad tetap mementingkan nilai dalam berkarya [Baharuddin Zainal, Safian Hussain, Sarah Sadon, A.M. Thani (Pny.) 1981].

Karya Ilmiah

Selain karya kreatif, Yahya M.S dan Suhaimi Haji Muhammad turut aktif berkecimpung dalam menghasilkan karya bukan kreatif atau penulisan ilmiah. Dunia penulisan dan kepengarangan Yahya M.S bermula dengan karya kreatif. Walau bagaimanapun, Yahya M.S banyak menghasilkan karya bukan kreatif mungkin memandangkan tugas beliau sebagai seorang guru dan agamawan. Yahya M.S bijak menggunakan suasana pendidikan Brunei ketika itu memandangkan Yahya M.S merupakan di antara cendekiawan yang awal di Negara Brunei Darussalam. Suasana ini digunakan sebaik mungkin untuk menghasilkan pelbagai jenis penulisan bagi menyampaikan ilmu yang beliau perolehi daripada pengajiannya bertahun-tahun di rantau orang⁴. Kebolehan dalam bidang penulisan ini telah membawa penulisan Yahya M.S daripada rencana umum yang ringan kepada rencana yang sarat dengan perbincangan hukum-hukum Islam. Sebagai seorang penggiat sastera yang meminati genre puisi, Yahya M.S juga turut menyumbangkan penulisan dalam bentuk kritikan.

Yahya M.S memulakan dunia penulisan bukan kreatif dengan menghasilkan penulisan yang berbentuk kritikan sastera. Kritikan sastera pertama yang berjudul “Kupasan Sajak” telah termuat dalam majalah *Muda-Mudi* (Singapura), 2 Julai 1960. Penulisan berbentuk kritikan sastera merupakan penulisan bukan kreatif yang terawal dihasilkan oleh Yahya M.S jika dibandingkan dengan rencana dan esei-esei agama. Ini sudah cukup membuktikan minat yang mendalam Yahya M.S dalam bidang kesusasteraan. Dalam tahun dekad 70an dan 80an ketika dunia sastera Melayu hangat memperkatakan tentang polemik sastera Islam, Yahya M.S selaku seorang yang sangat arif dalam bidang agama dan sastera turut memberikan ulasan-ulasan berkenaan polemik sastera Islam. Selaku tiga serangkai daripada Brunei Darussalam, Yahya M.S banyak mengeluarkan alasan yang akhirnya menggolongkan kesemuanya itu sebagai Konsep Sastera Islam. Yahya M.S telah mengemukakan;

⁴ Latar pendidikan Yahya M.S peringkat awal bersekolah di Singapura dan Malaysia, dewasa pula melanjutkan pengajiannya di Mesir. Rujuk latar pendidikan Yahya M.S untuk keterangan lanjut.

Sastera Islam adalah sastera yang membawa ke arah mempertingkatkan, memperdekatkan dan memperkuat hubungan manusia dengan khaliq, ke arah keredhaan Allah dan ke arah pembersihan diri dari segala macam unsur keduniaan yang mencemarkan diri.

(Yahya M.S, 1985 : 19)

Salah satu esei yang paling awal memperkatakan tentang konsep sastera Islam ini berjudul “Konsep Islam dalam Kesusasteraan Melayu Moden” (1979) dan diikuti dengan esei yang berjudul “Menghayati Sastera Islam: Sejarah Perkembangan di Brunei” (1986). Segala esei kritikan dan ulasan tentang polemik sastera Islam ini kemudian dibukukan dan diterbitkan berjudul *Menghayati Sastera Islam Abad Ke-21* (1998). Begitu juga dengan Suhaimi Haji Muhammad. Suhaimi Haji Muhammad yang sangat kental dan berani mengutarakan pendapat dalam dunia sastera turut terlibat dalam memberikan ulasan ketika polemik sastera Islam hangat diperdebatkan di Malaysia.

Demikian perbezaan pendapat tentang sastera Islam yang dikemukakan oleh kedua-dua penyair iaitu Yahya M.S dan Suhaimi Haji Muhammad. Kedua-dua tokoh ini mempunyai pandangan yang berbeza dalam mengemukakan isu sastera Islam yang menjadi polemik dalam tahun 1970-an hingga tahun 1980-an. Walau bagaimanapun, pendapat Yahya M.S selalu menjadi perhatian khalayak pembaca, penulis dan pengkritik sastera. Selaku seseorang agamawan kelulusan Al-Azhar, Yahya M.S bukan sahaja dianggap sebagai tokoh agama di Negara Brunei Darussalam namun beliau juga merupakan salah seorang tokoh dan ilmuwan agama Nusantara (Hashim bin Haji Abd. Hamid 2004). Walau bagaimanapun, perkara yang pasti adalah kedua-dua tokoh penyair ini, Yahya M.S dan Suhaimi Haji Muhammad mempunyai pendirian yang tersendiri dalam penulisan puisi Islam dan memanfaatkan puisi sebagai wacana dakwah.

Yahya M.S juga disampiri gelaran iaitu dikenali dengan gelaran ‘Yang Dimuliakan Pehin Tuan Imam’⁵ pada tahun 1983 dan seterusnya pada tahun 1984 pula menyandang gelaran ‘Pehin Siraja Khatib’. Oleh yang demikian, penulisan dalam bentuk rencana umum sememangnya tidak ketinggalan turut disumbangkan beliau dalam dunia penulisan. Rencana umum yang beliau tulis banyak menumpukan tentang belia, masyarakat, Kampong Ayer, budaya dan lain-lain lagi. Sebagai seorang yang disampiri gelaran dan orang penting di Brunei, Yahya M.S banyak menerbitkan rencana umum yang berunsurkan nasihat dan panduan bagi pegawai-pegawai kerajaan di Brunei. Rencana umum yang diterbitkan Yahya M.S membawakan persoalan keagamaan, dan diterbitkan dalam bentuk buku di antaranya ialah *Ilmu Pengetahuan dan Tujuan Pendidikan Mengikut Pandangan Islam, Pehin-pehin Manteri Ugama sebagai Institusi dan Peranan Mereka dalam Pentadbiran dan Pemerintahan Negara di Brunei, Tugas Ulama dalam Usaha Pembangunan Umat, Hukum Adat dalam Islam, Sekitar Ugama Rasmi, Sejarah Perjalanan Israk Mikraj* dan lain-lain lagi⁶. Sebagai seorang guru ugama dan pegawai keagamaan, Yahya M.S juga terlibat dalam projek menerbitkan buku ugama untuk dijadikan buku teks untuk sekolah-sekolah ugama di Negara Brunei Darussalam.

⁵ Gelaran ‘Yang Dimuliakan Pehin Tuan Imam’ tersebut dianugerahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 26 Mac 1983 manakala gelaran sebagai ‘Pehin Siraja Khatib’ pada 6 November 1984. Di samping itu, Yahya M.S juga dianugerahkan Pingat Kebesaran dan Bintang Kehormatan. Di antaranya Darjah Seri Ugama Islam Brunei Yang Amat Bersinar Darjah Ketiga (SSUB) pada 15 Julai 1974, Darjah Seri Utama Ugama Islam Brunei Darjah Kedua (DSSUB) membawa gelaran Dato Seri Setia pada 15 Julai 1982, Pingat Seri Setia Utama Brunei Yang Amat Bersinar Darjah Pertama (PSSUB) yang membawa gelaran Dato Paduka Seri Setia pada 15 Julai 1984, Pingat Jubilee Perak Duli Yang Maha Mulia Sultan Salahuddin Abdul Aziz Al-Haj, Sultan Selangor Darul Ehsan pada 24 November 1987. Pingat Jubli Perak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta (1967-1992) pada tahun 1992, Pingat Kerja Lama pada tahun 1996 dan Pingat Pengisytiharan Kemerdekaan pada tahun 1997.

⁶ Yahya M.S dalam menghasilkan buku-buku ugama tidak menggunakan nama Yahya M.S sebaliknya menggunakan nama sebenar beliau iaitu Yang Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Yahya M.S bin Haji Ibrahim. Keterangan lanjut rujuk Bibliografi Yahya M.S: Siri Penulis Brunei Darussalam (2015).

Antaranya ialah *Pelajaran Membaca Al-Quran, Buku Mengaji Al-Quran untuk darjah 1 Sekolah Rendah Melayu* dan lain-lain lagi.

Suhaimi Haji Muhammad tidak seaktif Yahya M.S dalam menghasilkan karya-karya ilmiah. Walau bagaimanapun, semangat yang mengiringi perjalanan dalam dunia penulisan ini menyebabkan Suhaimi Haji Muhammad turut memberikan buah fikiran dalam dunia sastera bagi menghasilkan penulisan berbentuk rencana sastera dan kritikan sastera. Selain itu juga, kelebihan Suhaimi Haji Muhammad yang bekerja di Dewan Bahasa dan Pustaka telah membuka peluang bagi beliau dalam penglibatan terhadap penerbitan buku-buku. Salah satu peluang itu ialah terlibat dalam penyelenggaraan buku terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka seperti bibliografi, puisi dan kamus (Zabidin Hj Ismail 2010). Di samping itu, Suhaimi Haji Muhammad juga ada memberikan kata pengantar dalam beberapa buah buku terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, terutama buku-buku yang diselenggarakan oleh Suhaimi Haji Muhammad, contohnya buku *Orang Bertiga: Antologi Sajak Penyair Kabur* (1980), *Empun Pagi: Antologi Puisi Sebelum Perang* (1981) dan *Kembang Melati: Kumpulan Puisi Tujuh Penyair Wanita* (1982), diselenggarakan oleh Puan Husayn dan Suhaimi Haji Muhammad.

Tidak seperti Yahya M.S, Suhaimi Haji Muhammad lebih cenderung menghasilkan esei yang berbentuk rencana sastera berbanding rencana-rencana umum atau keugamaan. Di samping itu, penulis dan pengarang di Malaysia cenderung menggunakan media *Utusan Zaman* sebagai perdebatan secara sihat mengutarakan pendapat dan mengkritik. Melaluinya, Suhaimi Haji Muhammad memaksimumkan media ini bagi mengkritik mahupun mempertahankan pemikiran beliau dalam dunia sastera. Menurut Zabidin Hj. Ismail (2010), Suhaimi Haji Muhammad telah menghasilkan sekitar 89 tajuk esei kritikan di dalam majalah dan akhbar, malah Suhaimi Haji Muhammad juga ada mengumpulkan esei-esei beliau dalam kumpulan esei kritikan sastera perseorangan berjudul *Dilema Kesusasteraan Melayu Moden* (1976). Membaca esei-esei Suhaimi Haji Muhammad yang tersiar dalam beberapa majalah dan akhbar, orang segera merasakan sikap yang keras dan egoistik pada diri Suhaimi Haji Muhammad. Beliau terlalu yakin akan pendapatnya dan berani menentang siapa sahaja, dan ini membuat kehadirannya dalam kesusasteraan Malaysia amat jelas (Baharuddin Zainal, Safian Hussain, Sarah Sadon, A.M. Thani, 1981).

Karya Kreatif

Bidang penulisan Yahya M.S dan Suhaimi Haji Muhammad terus berkembang seiring kebolehan dan bakat yang dimiliki. Selain karya bukan kreatif atau karya jenis ilmiah, sumbangan besar kedua-dua penyair ini sudah tentu dalam menghasilkan penulisan karya kreatif, terutama genre puisi moden iaitu sajak. Sajak merupakan genre paling mudah dihasilkan yang mengemukakan isu-isu semasa yang berlaku dalam masyarakat. Kepekaan Yahya M.S dan Suhaimi Haji Muhammad terhadap senario yang berlaku dalam masyarakat pada zaman remajanya disulami dengan rasa protes terhadap sesuatu permasalahan. Rasa protes ini seterusnya diterjemahkan kedua-dua penyair dalam bentuk kreatif hingga terhasilnya sajak yang sangat bermutu dan mempunyai makna yang sangat mendalam. Kehebatan dan kepakaran yang dimiliki oleh Yahya M.S dan Suhaimi Haji Muhammad dalam menghasilkan karya kreatif bukan sahaja terhadap kepada genre puisi semata-mata, malah turut berkembang dalam genre cerpen dan drama.

Fasa awal penglibatan Yahya M.S dalam dunia penulisan bermula dengan penulisan karya kreatif iaitu yang paling awal dihasilkan ialah dalam bentuk sajak. Sajak pertama yang berjudul "Yang Mencari Bahagia" termuat dalam *Utusan Kanak-Kanak* di Singapura iaitu pada 9 Oktober 1955. Setahun kemudian, Yahya M.S mula pula berkecimpung dalam bidang Drama. Drama Pentas yang pertama di pentaskan ialah "Mati Bertindih Tulang" iaitu dipentaskan di Universiti Malaya, Singapura pada November 1956. Setahun kemudian, Yahya M.S menceburi lagi genre cerpen. Cerpen pertama Yahya M.S berjudul "Keindahan Yang Runtuh" terbit dalam akhbar *Fikiran Rakyat* di Kuala Lumpur pada Disember 1957. Genre Novel agak kemudian diceburi oleh Yahya M.S iaitu pada tahun 1967. Walau bagaimanapun, novel yang diterbitkan oleh Yahya M.S itu merupakan novel terjemahan iaitu sebuah novel berbahasa Arab karya Hanifah Fathy berjudul *Perempuan* diterbitkan oleh Pustaka Antara, Kuala Lumpur.

Suhaimi Haji Muhammad juga tidak tertumpu menghasilkan satu genre sastera sahaja. Karya pertama Suhaimi Haji Muhammad ketika beliau berusia 16 tahun iaitu dalam genre cerpen berjudul “Korban Lantaran Ayah” diterbitkan dalam majalah *Mutiara* pada Disember, 1950. Semenjak itu dia terus berkarya tanpa henti sehingga akhir hayat beliau. Walaupun telah menulis sewaktu zaman 1950-an tetapi Suhaimi Haji Muhammad tidak terpengaruh oleh gagasan dan gaya tokoh-tokoh penting waktu itu, malahan beliau adalah antara yang paling awal yang secara sedar mencuba melakukan kelainan dari penyair sezamannya. Kelainan Suhaimi Haji Muhammad jelas terpancar dari teknik dan ide-idenya [Baharuddin Zainal, Safian Hussain, Sarah Sadon, A.M.Thani (Pny.) 1981: 384]. Walaupun Suhaimi Haji Muhammad cenderung atau lebih dikenali namanya menerusi genre puisi, namun genre drama juga turut diminati oleh khalayak. Suhaimi Haji Muhammad turut menceburi genre drama dengan menghasilkan skrip drama. Suhaimi Haji Muhammad telah melahirkan pelbagai kumpulan puisi, cerpen, esei kritikan dan pernah menyusun atau menyelenggarakan karya penulis lain dalam bentuk buku. Kehebatan kedua-dua tokoh puisi ini bukan sahaja menumpukan kepada satu jenis genre sastera kreatif sahaja. Kredibiliti Yahya M.S dan Suhaimi Haji Muhammad dalam bidang penulisan ini mereka gunakan dengan memaksimumkan Walau bagaimanapun, kedua-dua tokoh ini lebih dominan dan prolific dalam menghasilkan puisi. Oleh sebab itu, karya sastera kedua-dua tokoh ini yang sewajarnya dibicarakan ialah dalam genre puisi kerana masing-masing mempunyai kelebihan tersendiri.

Genre Puisi Dan Karya-Karya

Puisi-puisi yang dihasilkan oleh Yahya M.S dan Suhaimi Haji Muhammad mempunyai gaya bahasa dan cara penulisan yang tersendiri. Ketokohan Yahya M.S dan Suhaimi Haji Muhammad dalam genre puisi sememangnya terserlah menerusi puisi yang dihasilkan. Secara perbandingan, Suhaimi Haji Muhammad dilihat begitu aktif menulis dan menghasilkan karya berbanding Yahya M.S. Keadaan ini seolah-olah memperlihatkan ketokohan Suhaimi Haji Muhammad lebih terserlah daripada Yahya M.S. Jika dilihat dari aspek tema, kedua-dua penyair cenderung menggunakan pelbagai tema.

Yahya M.S mula menulis dalam dekad 50-an. Walau bagaimanapun, karya-karya awal Yahya M.S banyak diterbitkan majalah-majalah Malaysia dan Singapura. Kemudiannya, kebanyakan puisi-puisi awal beliau ini diantologikan dalam kumpulan puisi berjudul *Warna Menggugat Zaman* (1962). Puisi yang terkandung dalam buku tersebut adalah puisi-puisi yang ditulis pada dekat 1950-an sehingga 1960. Ini diikuti oleh kumpulan puisi yang berjudul *Perjalanan Malam Kalimantan Menuju Siang* (1988) yang mengandungi puisi-puisi yang ditulis antara tahun 1961 hingga 1984. Manakala kumpulan puisi *Jalan Perak dari Sekolah Melayu ke Masjidil Haram di Makkah Al-Mukarramah* (1992) pula mengandungi puisi-puisi yang ditulis antara tahun 1968 hingga 1990. Kemudian diikuti oleh *Perjalanan Terakhir Anakku Yang Hilang* (2003), *Perjalanan Kedua dari Rumah ke Puncak Suasana* (2003), *Nyanyian Perjalanan Mencari Diri dari Muara ke 'Arafat* (2004), *Perjalanan Kembali Dua Puluh Musim* (2005), *Deru Perjalanan Seorang Abid* (2007) yang telah diterbitkan di Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur, dan karya Yahya M.S yang mutakhir ialah *Musim-musim Perjalanan* (2013) yang memuatkan puisi-puisi diantara tahun 2004 hingga 2009 diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.

Suhaimi Haji Muhammad yang tidak mengenal lelah juga menampakkan dedikasi dalam mencipta puisi. Suhaimi Haji Muhammad telah melahirkan 33 buah buku puisi perseorangan sepanjang 60 tahun berkarya. Ini adalah satu rekod Malaysia kerana tiada seorangpun penyair tanah air yang mampu menyaingi prestasi ini. Kajian ini juga mendapati bahawa antologi puisi yang paling sedikit muka suratnya ialah *Siluet* (1984) sebanyak 23 halaman manakala yang tebal pula berjudul *As-Salam* (2006) mengandungi 495 halaman. Di samping itu, sajak-sajak Suhaimi Haji Muhammad turut dimuatkan ke dalam 27 antologi bersama dengan penulis-penulis lain. Ini bermakna sajak-sajak Suhaimi Haji Muhammad itu dianggap penting dan perlu dibukukan. Justeru *Malaysia Book of Records Sdn Bhd* wajar memberikan pengiktirafan kepada beliau. Suhaimi Haji Muhammad Hj Muhammad sangat komited dengan penulisan puisi meskipun dia berkebolehan menghasilkan cerpen, esei dan skrip drama tetapi kelihatan memfokuskan bakatnya terhadap sajak. Dia begitu intim dengan puisi serta mementingkan kuantiti dan kualiti. Menurut Suhaimi Haji Muhammad, dia telah menulis

kira-kira 2000 puisi sepanjang hayat kepengarangan. Oleh itu, secara purata Suhaimi Haji Muhammad telah menulis sebanyak 33 kuntum puisi setahun atau kira-kira tiga kuntum puisi dalam masa sebulan (Zabidin Ismail 2010). Beliau terkenal sebagai penyair surealis dan mistik Melayu akhir abad ke-20 dalam perkembangan kesusasteraan Melayu moden. Mulai 1960 hingga 1980, beliau memberikan dedikasinya terhadap penulisan puisi surealis dan mulai 1980, beliau memberikan dedikasi terhadap penulisan puisi mistik hingga akhir hayat beliau (Zabidin Ismail 2010).

YAHYA M.S	SUHAIMI HAJI MUHAMMAD
<i>Warna Menggugat Zaman</i> (1962)	<i>Jalan Ke Kotaku</i> (1959)
<i>Perjalanan Malam Kalimantan Menuju Siang</i> (1988)	<i>Tulisan di Kamar Tidur</i> (1960)
<i>Jalan Perak dari Sekolah Melayu ke Masjidil Haram di Makkah Al-Mukarramah</i> (1992)	<i>Lain Jiwa Lain Wajah</i> (1960)
<i>Perjalanan Terakhir Anaku Yang Hilang</i> (2003)	<i>Rontgen</i> (1963)
<i>Perjalanan Kedua dari Rumah ke Puncak Suasana</i> (2003)	<i>Kelahiran Seorang Anak</i> (1969)
<i>Perjalanan Kembali Dua Puluh Musim</i> (2005)	<i>Bunga di Atas Batu</i> (1970)
<i>Deru Perjalanan Seorang Abid</i> (2007)	<i>Bumi Hijau</i> (1971)
<i>Nyanyian Perjalanan Mencari Diri dari Muara ke 'Arafat</i> (2004)	<i>Lelaki Lena Di Batu</i> (1973)
<i>Musim-Musim Perjalanan</i> (2013)	<i>Chorus Manusia Pengungsi</i> (1976)
<i>Surat-Surat Kemerdekaan</i> (2019)	<i>Lilin Seinci</i> (1980)
	<i>Gelita Ini</i> (1981)
	<i>Bulan Purnama</i> (1981)
	<i>Menganyam Bulan</i> (1983)
	<i>Siluet</i> (1984)
	<i>Menterjemah Bintang</i> (1985)
	<i>Tulang</i> (1986)
	<i>Alam Anggur</i> (1987)
	<i>Nyanyian Undan</i> (1991)
	<i>The Songs of Pelican</i> (1992)
	<i>Wujud</i> (1997)
	<i>Arca Impian</i> (1997)
	<i>Simfoni Perjalanan</i> (1999)
	<i>At-Tariq</i> (2000)
	<i>An-Nur</i> (2003)
	<i>As-Salam</i> (2006)
	<i>Asyik</i> (2007)
	<i>Cintamu Umi</i> (2007)
	<i>Nafas-Nafas Nurani</i> (2007)
	<i>Apabila Malam Semakin Malam</i> (2008)
	<i>Taman Takwa</i> (2009)
	<i>Denyutkan Jantung</i> (2010)
	<i>Puisi-Puisi Terakhir Seorang Penyair</i> (2011)
	<i>Apabila Langit Condong</i> (2013)
	<i>Bunga-Bunga Suci</i> (2015)

Jadual 1: Kumpulan Puisi Perseorangan Yahya M.S dan Suhaimi Haji Muhammad

Anugerah Dan Pengiktirafan

Kredibiliti Yahya M.S dan Suhaimi Haji Muhammad dalam kesusasteraan Melayu amat dihargai sehingga meraih pelbagai anugerah bagi mengangkat ketokohan dan memberi apresiasi kepada kedua-dua tokoh puisi ini di negara masing-masing. Yahya M.S merupakan seorang penulis Brunei Darussalam yang terkemuka dan salah seorang penyair penting di Negara Brunei Darussalam. Yahya M.S juga dikenali sebagai salah seorang dari kumpulan tiga serangkai Brunei Darussalam. Yahya M.S banyak menerbitkan puisi sehingga meraih beberapa anugerah sehingga meraih Anugerah Kesusasteraan Islam Negara Brunei Darussalam. Begitu juga dengan Suhaimi Haji

Muhammad, kegemilangan Suhaimi Haji Muhammad dalam kesusasteraan Melayu pula terbukti apabila Suhaimi Haji Muhammad diangkat menjadi Sasterawan Negeri Perak.

Kehebatan Yahya M.S mula terbukti apabila beliau memenangi hadiah pertama dalam Peraduan Menulis Sajak anjuran 4PM Singapura dalam tahun 1957. Setelah itu, nama Yahya M.S semakin dikenali di nusantara yang menjadikan pendorong dan menguatkan lagi semangat Yahya M.S berkarya. Karya demi karya dihasilkan sehingga Yahya M.S meraih pelbagai anugerah dan apresiasi di antaranya Yahya M.S juga merupakan pemenang bagi Hadiah Kreatif Bahana kategori sajak ada tahun 1994, memenangi Hadiah Kreatif Bahana Brunei Shell – Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1999. Yahya M.S memperoleh Anugerah Penulis Asia Tenggara⁷ di Bangkok, Thailand pada tahun 1987, dan memenangi Hadiah Sastera MASTERA, Kuala Lumpur pada tahun 2005 dan mutakhir dalam dunia penulisan, Yahya M.S memperolehi Anugerah Kesusasteraan Islam di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam pada tahun 2008.

Manakala bagi Suhaimi Haji Muhammad pula, setelah berpuluh tahun menulis di samping berkhidmat dengan kerajaan serta berbakti kepada masyarakat melalui kegiatan keagamaan, Suhaimi Haji Muhammad Hj Muhammad telah memperolehi pelbagai anugerah dan penghargaan. Namun demikian jika diteliti satu per satu anugerah atau hadiah yang diterimanya, hanyalah menjurus kepada prestasi karya yang dihasilkan dan bukan anugerah daripada Istana atau daripada lain-lain entiti yang berwibawa. Antaranya ialah Anugerah Sasterawan Perak (1987), SEA Write Award (1995), Karyawan Perak Sepanjang Zaman (1998), Hadiah Sastera Nasional (1971, 1987, 1998) Hadiah Sayembara Puisi Berunsur Islam (1981), Hadiah Sayembara Drama Berunsur Islam (1981), Hadiah Sastera Utusan Melayu-Public Bank (1999) dan Hadiah Sastera Perdana Malaysia (2000, 2006 dan 2007). Pada tahun 2010, Universiti Pendidikan Sultan Idris menganugerahkan beliau dengan Ijazah Sarjana Kehormat Kesusasteraan bagi menghargai pencapaian cemerlang dalam bidang puisi.

Yahya M.S dan Suhaimi Haji Muhammad merupakan nama yang tidak asing lagi dalam dunia kesusasteraan Melayu terutama bidang puisi. Kedua-dua pengarang dari negara yang berbeza ini masing-masing mempunyai kehebatan dan kebolehan yang tersendiri. Kehebatan dalam menghasikan karya kreatif menyebabkan kedua-dua mereka dapat pengiktirafan daripada kerajaan Thai menerusi Southeast Asian Writers Awards (S.E.A Write Award). Bertitik tolak daripada pengiktirafan tersebut, kedua-dua pengarang ini terus dikenali sama ada di Malaysia mahupun di Brunei dan melakar nama dalam dunia penulisan kreatif.

ANALISIS BANDINGAN KEPENYAIRAN TOKOH

Yahya M.S dan Suhaimi Haji Muhammad penyair berjiwa rakyat. Kedua-dua tokoh ini amat peka dengan senario yang berlaku di kalangan masyarakat masing-masing sehingga banyak mengangkat isu-isu yang berlaku melalui karya-karyanya. Puisi-puisi yang dihasilkan oleh Yahya M.S mengutarakan berbagai tema terutama mengenai kemanusiaan, keagamaan, kritik sosial, moral, hakikat hidup, patriotisme dan cinta. Yahya M.S adalah merupakan salah seorang penyair yang juga aktif dalam membicarakan karya-karya puisi Islam. Beliau telah mengemukakan bahawa Sastera Islam adalah sastera yang membawa ke arah mempertingkatkan, memperdekatkan dan memperkuat hubungan manusia dengan khaliq, ke arah keredhaan Allah dan ke arah pembersihan diri dari segala macam unsur keduniaan yang mencemarkan diri (Yahya M.S 1985: 19). Harris Effendi Thahar (1982) memuji dan menghargai sikap Suhaimi Haji Muhammad terutama kesetiiaannya serta kelarutannya dalam suasana menulis. Suhaimi Haji Muhammad digambarkan sebagai seorang penulis kerana gambaran suasana yang digambarkan Suhaimi Haji Muhammad tetap intens, terpelihara dengan baik dalam setiap perjalanan batinnya. Persoalan puisi baginya ialah persoalan hidup mati. Peka dan waspada tentang segala realiti yang menimpa manusia (Harris Effendi Thahar 1982). Walaupun Yahya M.S dan Suhaimi Haji Muhammad berasal dari negara yang berbeza, namun mereka memiliki minat yang sama iaitu memperjuangkan kesusasteraan Melayu dalam bentuk

⁷ *The SEA Write Awards* iaitu anugerah ini diberikan kepada penulis yang mencapai tahap penulisan yang tinggi dalam berkarya, dalam penampilan ilmu dan penerokaan pemikiran dalam dunia sastera (Arif Karkhi Abukhudairi. 2007. 120)

penulisan kreatif. Keterlibatan Yahya M.S dan Suhaimi Haji Muhammad dalam dunia kepenyairan terus berkembang seiring perkembangan sastera Brunei dan Malaysia.

Peranan yang penting dimainkan oleh Yahya M.S terhadap perkembangan sastera di Brunei ialah sebagai salah seorang pelopor dalam penulisan puisi bercorak keislaman. Sebelum kemunculan Yahya M.S dan rakan-rakannya yang digelar sebagai 'Tiga Serangkai' ini, boleh dikatakan belum terdapat lagi penyair-penyair Brunei yang menghasilkan puisi-puisi yang bercorak keislaman (A.Kamis Haji Tuah 1992). Walau bagaimanapun, karya-karya Yahya M.S lebih menonjol disebabkan gaya penulisan yang lebih kreatif dan menyerlahkan estetika penulisannya jika dibandingkan dengan kedua-dua tokoh yang digandingkan itu. Namun begitu, Yahya M.S yang menentang pemikiran Islam dalam sajaknya turut menghasilkan kontroversi di awal penulisannya kerana melahirkan sajak-sajak kabur (Hashim Haji Abdul Hamid 2002) melalui Kumpulan Sajak *Warna Mengugat Zaman* (1962). Begitu juga dengan Suhaimi Haji Muhammad, Suhaimi Haji Muhammad pernah terlibat dalam polemik tentang sajak kabur dalam tahun 1959. Menurut Abdul Halim Ali (2004) sajak-sajak kabur menjadi isu penting yang menimbulkan polemik dalam dunia perpuisian Melayu Malaysia dalam tahun 1960an dan 1970an Dalam satu seminar penulis Malaysia Barat di Ipoh akhir tahun 1971, Suhaimi Haji Muhammad menulis kertas kerja menyarankan supaya penulis mesti kaya kalau mahu menjadi penulis agung. Saranannya telah menimbulkan reaksi yang agak keras di kalangan penulis. Perdebatan itu menjadi reda kemudiannya dan Suhaimi Haji Muhammad menerangkan bahawa kaya yang dimaksudkannya ialah kaya dari segi kerohaniah dan kebendaan [Baharuddin Zainal, Safian Hussain, Sarah Sadon, A.M.Thani (Pny.) 1981]. Kajian yang menggunakan *metode content analysis* menyimpulkan bahawa sebahagian besar sajak-sajak Suhaimi Haji Muhammad terangkum dalam empat aliran utama iaitu realisme, surealisme, mistikisme dan eksistensialisme⁸ manakala pemikiran yang diutarakan mengandungi empat aspek penting seperti keadilan sosial (1950-1959); kepincangan sosial (1960-1969); keagamaan (1970-1980) dan sufisme (1981-2010). Kesemua aspek tersebut terkandung dalam 33 buah antologi puisi perseorangan dari *Jalan Ke Kotaku* (1959) hingga *Denyutkan Jantungmu* (2010). Puisi-puisi Suhaimi Haji Muhammad memperlihatkan kekayaan tema yang meliputi berbagai persoalan dari yang bersifat peribadi hingga kepada masyarakat, dan dari objek yang konkrit hingga ke pemikiran yang abstrak [Baharuddin Zainal, Safian Hussain, Sarah Sadon, A.M.Thani (Pny.) 1981]. Begitu juga Yahya M.S, puisi-puisi beliau juga membicarakan pelbagai tema dengan gaya penulisannya tersendiri. Merujuk kata Mana Sikana (1985):

Berbagai-bagai hal yang cuba digarap dan dibincangkan oleh penyair antaranya ialah aspek akidah, ibadat, tasawuf, masyarakat, pendidikan, akhlak dan sebagainya. Kegemaran penyair ini pula ialah merujuk dan mengambil iktibar dari sejarah Islam masa silam, seperti zaman Nabi Noh, kebangkitan Islam, hijrah nabi, putar belit Abu Jahal dan sebagainya bagi menunjangi sajak-sajaknya, sehingga kita terasa begitu akrab dengan sejarah, Banyak yang boleh dipelajari dari sejarah.

(Mana Sikana 1985)

Suhaimi Haji Muhammad merupakan seorang tokoh puisi penting Malaysia dalam perkembangan puisi moden Malaysia terutama dari bentuk penciptaan puisi (Ramli Isin 1974). Suhaimi Haji Muhammad lebih terkedepan daripada penyajak sezamannya dalam melakukan eksperimen. Suhaimi Haji Muhammad sebenarnya lebih dahulu memulakan dan menyedari adanya kelainan yang harus dilakukan dalam bidang puisi. Sampai saat ini Suhaimi Haji Muhammad terus membuat eksperimen di samping menulis sajak-sajak yang biasa (Mana Sikana 1983 : 86). Ada tanda-tanda yang menunjukkan Suhaimi Haji Muhammad lebih ke depan dari Abdul Ghafar Ibrahim. Suhaimi Haji Muhammad sebenarnya sedar apa yang dilakukannya iaitu menghasilkan berbagai-bagai

⁸Absurdisme merupakan rangkuman dari beberapa aliran seni seperti dadaisme, surrealism dan eksistensialisme; tetapi eksistensialismelah yang lebih berpengaruh bila dasarnya tentang eksistensi manusia yang terperangkap antara hidup dan mati dengan penentuan-penentuan yang tidak pernah dapat ipersoalkan oleh manusia sendiri, menjadi akar kepada absurditisme. (Mana Sikana, 1983).

bentuk eksperimen (Mana Sikana, 1983). Suhaimi Haji Muhammad sendiri menjelaskan apa yang beliau lakukan adalah atas kesedarannya sendiri, yang tumbuh atas kewibawaannya sebagai penyair Melayu yang ingin melihat perkembangan puisi yang tidak hanya terperangkap dalam jaringan tekstualiti realisme (Mana Sikana, 2004). Suhaimi Haji Muhammad Haji Mohammad, yang memelopori usaha ini, juga meneruskan dan memperlihatkan kemajuan yang sangat menggalakkan. Namun dengan kesungguhan ini perlu ditekankan bahawa sastera Melayu memerlukan kehadiran eksperimen yang cukup sedar terhadap makna percubaan tersebut (Mana Sikana, 1983). Suhaimi Haji Muhammad berpegang teguh dengan aliran-aliran yang ditampilkan dalam puisinya. Walaupun kekaburannya sering menjadi kontroversi, kritikan-kritikan itu tidak berjaya menghentikannya daripada meneruskan perjuangannya dalam menghasilkan pelbagai teknik yang berbeza-beza dalam penyampaian aliran surealisme sebagai identiti kepenyairannya. Menurut Rozninah Abd. Azib;

Seperti Suhaimi Muhammad, untuk diterima umum sebagai penyair yang beraliran surealisme, bukanlah sesuatu yang mudah. Beliau terpaksa menghadapi berbagai-bagai rintangan. Berbagai-bagai tanggapan dan tohmahan dilemparkan kepadanya.

(Rozninah Abd. Azib 1998)

Seiring dengan penyair Melayu seangkatannya, dia seorang penyair yang amat prolifik dan konsisten dalam kepenyairannya. Suhaimi Haji Muhammad menulis puisi bagaikan melakukan ibadah sehari-hari kerana sentiasa resah mencari rahsia kehidupan, tetapi dengan tenang dan kearifan yang dalam, selaku ciptaan Khalik (Harris Effendi Thahar 1982). Sajak-sajaknya bebas dalam susunan kata-kata dan baris. Suhaimi Haji Muhammad lebih gemar menggunakan perkataan yang digunakan sehari-hari. Beliau juga cuba membawa masuk unsur prosa ke dalam puisi-puisinya secara sedar sehingga beberapa puisinya dianggap begitu prosaik [Baharuddin Zainal, Safian Hussain, Sarah Sadon, A.M.Thani (Pny.) 1981]. Rahman Shaari (1975) mengulas puisi "Matinya Seorang Penoreh Getah" dalam *kumpulan Bunga di Aras Baru* (1970) menyatakan;

Antara 52 buah puisi dalam kumpulan ini Saya lebih tertarik dengan Saya menyenangi kisah yang terjalin di dalamnya. Penyair menceritakan peristiwa sedih dan kejam yang menimpa seorang kuli tua yang dikenali sebagai Pak Joko. Dia tidak dikehendaki lagi oleh majikannya. Walaupun dia telah banyak berbakti kepada majikannya itu, tetapi dia tetap juga menderita ketika tuanya, tidak diperdulikan hingga dia meninggal.

(Rahman Shaari 1975)

Pada Sajak Suhaimi Haji Muhammad jelas unsur asonansi dan aliterasi itu diketepikan. Akan tetapi, dia tidak pula lari daripada pembentukan rangkap secara tradisional iaitu empat baris bagi serangkap atau kuantrain (Rahman Shaari, 1975). Ramli Isin (1974) memuji Suhaimi Haji Muhammad kerana beliau ialah penyair Malaysia yang pertama yang dengan penuh keyakinan dan penuh kesedaran cuba menerobos ke dalam teknik penulisan puisi yang jauh lebih dahulu daripada teman-temannya sezaman. Suhaimi Haji Muhammad juga telah mendahului pemikiran masyarakatnya dalam teknik penulisan puisi. Walaupun masyarakat pada umumnya waktu itu belum bersedia untuk menerima perubahan-perubahan yang begitu radikal, namun Suhaimi Haji Muhammad tetap menciptakan dan menghasilkan bentuk-bentuk itu dalam sajak-sajaknya yang terkumpul dalam koleksi *Rontagen*. Dalam kumpulan *Rontagen*, Suhaimi Haji Muhammad dengan gigih berontanya terhadap teknik penulisan puisi dalam tahun lima puluhan itu. Suhaimi Haji Muhammad tanpa tanggung-tanggung mencetuskan teknik dan penyusunan dalam puisi-puisi yang sama sekali berbeza dari yang pernah ada (Ramli Isin, 1974). Suhaimi Haji Muhammad sebenarnya menyedari kesukaran khalayak pembaca terhadap puisi-puisinya, malah menyedari ada kalangan pengkritik sastera dan sasterawan yang tidak memahami puisi beliau. Suhaimi menyatakan:

Saya tidak boleh mengongkong diri hanya membincangkan persoalan masyarakat, yang biasanya berlaku berulang-ulang. Saya tidak boleh menghasilkan kritikan sosial, yang biasanya terjadi berulang-ulang juga. Saya perlu beredar kepada persoalan dan dunia yang lain. Umpamanya saya memasuki dunia biologi-psikologi-tasawuf dalam kumpulan tulang. Audien sastera merungut: Apa yang Suhaimi tulis ni? Apabila wujud sampai ke tangan seorang sasterawan dan membacanya, dia berkata: "saya tak masuk!" Sampai hari ini, saya tidak faham apa yang dimaksudkannya "saya tidak masuk" itu.

(Suhaimi Haji Muhammad, 1998)

Kompleks kejiwaan yang ada dalam diri Suhaimi Haji Muhammad dapat dikatakan berkesan pada sajak-sajaknya. Sebagai seorang penulis, Suhaimi Haji Muhammad mengakui bahawa dia tidak membataskan diri pada pengalaman kesusasteraan setempat tetapi cuba memperluaskan pengalamannya dengan membaca karya-karya asing seperti T.S Eliot, W.H. Auden, Robert Frost, Walt Whitman, William Wordsworth, Carl Sandburg, Samuel Taylor Coleridge, Robert Graves, Pablo Neruda, Boris Pasternak, Philip Larkin, C.Day Lewis, D.H Lawrence, Ted Hughes dan Thom Gunn. Apa yang mula-mula mendorongnya menulis adalah kerana pertemuannya dengan tulisan-tulisan dari Indonesia seperti ciptaan-ciptaan Hamka, Adi Negoro dan Tan Melaka (Baharuddin Zainal, Safian Hussain, Sarah Sadon, A.M.Thani,1981).

Di samping sajak-sajak Suhaimi Haji Muhammad yang tidak mahu mengikut kebiasaan Masuri S.N dan Usman Awang, Suhaimi Haji Muhammad juga memperlihatkan sikap dan pemikiran yang berbeza melalui sajak-sajaknya. Sajak-sajak Suhaimi Haji Muhammad tidak lagi bersuasana romantik⁹ dan juga tidak bersuasana melankolik (Umar Junus, 1980). Sajak-sajaknya lebih merupakan suatu lukisan belaka, tanpa perlu ada kesimpulan di dalamnya. Sajak-sajaknya lebih merupakan hasil daripada ledakan emosi yang dinyatakan dalam bentuk suatu pernyataan, suatu statement. Dan, daripada sikap semacam itu, sekaligus kita lihat adanya unsur pandangan hidup atau pandangan kesenian dan kritik yang diberikan oleh Suhaimi Haji Muhammad (Umar Junus, 1980). Di samping itu, sajak-sajak Suhaimi Haji Muhammad yang demikian banyak dihasilkan dapat dikatakan sebagai tanggapan sesaat (*spontaneous reaction*) terhadap sesuatu yang dilihat dan dirasakan atau difikirkannya. Dan ini sesuai dengan kenyataan bahawa pada dasarnya Suhaimi Haji Muhammad ialah sajak-sajak yang merupakan pernyataan peribadinya, suatu ekspresi peribadi, yang menyuarakan berbagai-bagai kekesalannya, baik berupa lukisan, pandangan hidup, kritikan dan emosi yang diakhiri oleh suatu pernyataan. Keadaan ini lebih meyakinkan bahawa sajak-sajaknya ialah suatu penyimpangan daripada garis besar perkembangan puisi Melayu moden di Malaysia, sehingga sangat sulit untuk ditempatkan dengan sewajarnya. Walaupun menghasilkan puisi dengan gaya yang baru daripada rakan-rakan sezamannya, Suhaimi Haji Muhammad tetap menentengahkan isu tentang Islam. Puisi-puisi yang diterbitkan oleh Suhaimi Haji Muhammad berkembang dalam empat fasa aliran penulisan, iaitu aliran realisme, aliran surealisme, aliran mistikisme dan aliran eksistensialisme. Pada awal kepenyairan Suhaimi Haji Muhammad, aliran surealisme lebih dominan menguasai penciptaan puisi-puisinya, kemudian di akhir hayatnya pula, Suhaimi Haji Muhammad cenderung menghasilkan puisi-puisi beraliran mistikisme dan eksistensialisme yang lebih cenderung ke arah puisi sufi iaitu mengemukakan persoalan ketuhanan dan kerohanian.

Begitu juga di Brunei Darussalam, penulisan puisi-puisi yang bertemakan Islam memang sudah terserlah dalam sajak-sajak Yahya M.S pertengahan tahun 1950-an. Puisi-puisi bertemakan keagamaan yang dihasilkan oleh Yahya M.S banyak mengemukakan persoalan tentang keimanan dan ketakwaan. Puisi-puisi Yahya M.S yang membawa persoalan tentang keimanan dan ketakwaan menyentuh hal-hal yang berhubung dengan ibadat dosa dan pahala, hari pembalasan (hari akhirat), kelalaian manusia dengan kehidupan dunia dan tentang kemungkaran, persoalan ibadat dalam Islam adalah merupakan tuntutan yang harus diamalkan oleh pennganut-penganut Islam, ada yang hukumnya wajib dan ada yang sunat. Amalan ibadat itu hendaklah dikerjakan dengan penuh khusyuk

⁹ Aliran romantisisme didominasi oleh puisi, realisme didahului oleh novel dan absurdisme dimulai oleh drama (Mana Sikana 1983)

dan tawaduk kerana dengan cara inilah terbitnya kenikmtan dalam mendekati diri kepada Tuhan. Antaranya seperti “Kepada Seorang Atheis” (1962), “Kepada Seorang Wujud” (1967) dan “Seorang Firaun Masa Kini” menggambarkan kekentalan penyair ini menentang faham anti Tuhan, eksistensialisme dan kezaliman moden yang dipandu nafsu (Hashim Haji Abdul Hamid, 2002). Menurut Ismail Hamid (dalam Ahmad, Z., Abdul Wahid, A., & Ali, A. H.,2020) kedatangan Islam ke Kepulauan Melayu telah memberikan sumbangan yang amat besar terhadap perkembangan intelektualisme di kalangan orang Melayu. Islam telah memperkenalkan berbagai-bagai disiplin keilmuan kepada orang Melayu.

Sebenarnya Yahya M.S dan rakan penyairnya dalam ‘tiga serangkai’ telah terbawa-bawa ke dalam penulisan sajak kabur ini kerana pada masa itu beliau sedang menuntut di Semananjung, jadi secara langsung beliau telah berdamping dan bergaul atau sekurang-kurangnya mengenali sikap dan perjuangan penyajak-penyajak kabur Malaysia seperti A.S Amin, Noor S.I, M.Ghazali dan S.N Tomo. Walau Bagaimanapun, kecenderungan Yahya M.S menghasilkan karya puisi yang dikatakan sebagai sajak kabur itu merupakan suatu perkembangan yang baik kepada penulisan puisi di Brunei (A.Kamis Haji Tuah, 1992).

Begitu juga dengan Suhaimi Haji Muhammad, Suhaimi terkenal sebagai penyair surealis dan mistik Melayu akhir abad ke-20 dalam perkembangan kesusasteraan Melayu moden. Mulai 1960 hingga 1980, beliau memberikan dedikasinya terhadap penulisan puisi surealis dan mulai 1980, beliau memberikan dedikasi terhadap penulisan puisi mistik hingga ke hari ini. A.Rahim Abdullah (1997) dalam pengantar buku *Arca Impian* (Suhaimi Haji Muhammad. 1997) menganggap Suhaimi Haji Muhammad sebagai penyair yang membawa penyimpangan (deviation) dalam dunia perpuisian Melayu. Suhaimi Haji Muhammad tetap merupakan penyair yang bersejarah (historical poet) dalam kesusasteraan Melayu. Pengucapan surelisnya cuba menggantikan pengucapan realis semenjak tahun 1950an menjadi tanda kewujudannya yang jelas dalam perkembangan Kesusasteraan Melayu moden. Yahya M.S yang pada awalnya menghasilkan sajak-sajak kabur akhirnya memberikan keterbukaan kepada khalayak untuk memahami karyanya mungkin disebabkan faktor umur atau tanggungjawab beliau sebagai salah seorang pemimpin besar iaitu Timbalan Menteri di Negara Brunei Darussalam.

RUMUSAN

Yahya M.S dan Suhaimi Haji Muhammad sememangnya dua tokoh penyair Islam unggul di Brunei dan Malaysia. Nama Yahya M.S masyhur seiring dengan perkembangan puisi moden di Brunei, begitu juga dengan Suhaimi Haji Muhammad di Malaysia. Yahya M.S begitu terkenal kerana beliau merupakan penyair Brunei yang prolifik menghasilkan puisi-puisi daripada penyair zamannya. Di samping itu, Yahya M.S antara penyair awal Brunei yang terlibat dengan kontroversi kerana puisi-puisinya di peringkat awal dianggap sebagai puisi-puisi kabur yang sukar difahami penggunaan diksi kerana dianggap bersifat peribadi. Walau bagaimanapun, kontroversi itu tidak menghalang Yahya M.S dari terus aktif melahirkan puisi-puisi yang bermutu dan bermakna, malah puisi-puisinya menjadi tumpuan dianalisis oleh kritikawan dan sarjana di Malaysia dan Singapura. Penyair Suhaimi Haji Muhammad juga seperti Yahya M.S begitu kontroversi kerana menghasilkan puisi-puisi surealisme yang dianggap kabur. Oleh itu, kepenyairan Yahya M.S dan Suhaimi Haji Muhammad wajar dibandingkan untuk melihat kecenderungan kepenyairan mereka.

Melalui penelitian ini, Yahya M.S dan Suhaimi Haji Muhammad mempunyai pendirian yang sangat teguh dalam berkarya. Yahya M.S selaku seorang guru, agamawan dan pemimpin di negara Brunei Darussalam memanfaatkan karyanya sebagai wadah dakwah bagi memastikan khalayak pembaca memperoleh nasihat, pengajaran dan keinsafan melalui karyanya. Pada sudut yang lain pula, Suhaimi Haji Muhammad turut teguh dengan pendiriannya dalam menghasilkan karya-karya surealisme bagi memastikan wujudnya gaya penulisan terbaru sekaligus mengharap penciptaan karyanya sentiasa membawa nafas baru dalam penciptaan puisi di Malaysia. Apabila nafas Islam ditiup dalam penulisannya, kecenderungan dalam menghasilkan puisi surealisme ini telah meletakkan Suhaimi Haji Muhammad dianggap sebagai penyair sufi di Malaysia. Justeru, walaupun kedua-dua tokoh ini mempunyai prinsip berbeza dalam menghasilkan karya, Yahya M.S dan Suhaimi Haji Muhammad merupakan tokoh puisi Islam yang penting di negara masing-masing yang mempunyai kelebihan dalam menghasilkan karya dan sasaran khalayak pembacanya.

RUJUKAN

- A. Kamis Haji Tuah. (1992). "Yahya M.S Peranan dan Sumbangan Dalam Kesusasteraan Bercorak Islam" dlm *Bahana*. Mac: Jil 27, Bil 137. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Rahim Abdullah. (1986). "Penyimpangan Sajak-Sajak Suhaimi Haji Muhammad" dlm *Dewan Sastera*, September. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Rahman Hanafiah. (1978). "Sajak-sajak Eksperimen Malaysia" dlm *Dewan Bahasa*, April. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Samad Said. (1960). "Keanehan dan Kejanggalan Pengakuan Suhaimi Haji Muhammad dalam Lain Jiwa Lain Wajah" dlm *Berita Minggu*, edisi 27 November. Malaysia.
- Abdul Halim Ali (2004) *Di Sekitar puisi Melayu moden*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Ahmad Kamal Abdullah. (2010). *Simbolisme dalam Puisi Islam di Malaysia 1970-1990*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad, Z., Abdul Wahid, A., & Ali, A. H. (2020). Kerasulan insan kamil membentuk modal insan dalam novel Imam. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 8(2), 16-27. Retrieved from <http://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/125>
- Ali, A. H. (2022). Karya Kesusasteraan sebagai satu Manifestasi fungsi Seorang Manusia. *PENDETA*, 13(1), 11–25. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol13.1.fa.2.2022>
- Ali Ahmad. 1996. "Sastera Melayu dan Pembinaan Akhlak" dlm *Simposium Serantau Sastera Islam*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ani Hamzan. (2007). "Karya Terbaru Penyair Suralisme" dlm *Dewan Sastera*, Julai. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Arif Karkhi Abu Khudairi. (2007). "Yahya M.S: Penyair Kembara Jauh" dlm *Pangsura*, Jan-Jun, Bil.24, Jil.13. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Baharuddin Zainal, Safiah Hussain, Sarah Sadon dan A.M. Thani (peny.). 1981. *Wajah : Biografi seratus penulis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harris Effendi Thahar. (1982). "Profil Seorang Sufi Yang Resah" dlm *Harian Singgalang*, Edisi 20 Oktober. Indonesia.
- Hashim Awang. (2003). "Kata Pengantar" dlm *Perjalanan Kedua Dari Rumah ke Puncak Suasana*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Awang. (2003). "Pengkaedahan Islam Dalam Kajian Sastera" dlm Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Bandingan ASEAN, anjuran Jabatan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Sastera dan Sains Kemasyarakatan, Universiti Brunei Darussalam, pada 17-19 Oktober 2003.
- Hashim Awang. (2004). "Kata Pengantar" dlm *Nyanyian Perjalanan Mencari Diri Dari Muara Ke 'Arafat*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Haji Abd. Hamid. (2005). "Kata Pengantar" dlm *Perjalanan Kembali Dua Puluh Musim*. Bandar Seri Begawan: Universiti Brunei Darussalam.
- Hashim Haji Abdul Hamid. (1995). "Peranan Puisi Di Tengah-Tengah Penghidupan Semasa Sehingga Menjelang 1983 (Merdeka)" dlm *Sekitar Kritikan Sastera Melayu Brunei*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ilias Zaidi. (1978). "Penyair Gigih Lain dari yang Lain – Banyak Berfalsafah dan Menyentuh Ketuhanan" dlm *Utusan Zaman*, edisi 12 Mac. Malaysia.
- Jaafar Rahim. (1996). "Ini Dakwah Suhaimi?" dlm. *Utusan Malaysia*, edisi 4 September. Kuala Lumpur, Malaysia.
- Kamariah Kamaruddin. (2000). "Kumpulan Puisi Wujud: Kajian Takmilah" Tesis. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kemala. (1971). "Melihat Suhaimi Hj Muhammad di dalam Gejala Lain" dlm *Dewan Sastera*. Februari. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Malim Ghozali Pk. (2010). "Perbincangan Puisi Sufi Mutakhir Suhaimi Haji Muhammad" dlm Seminar Antarabangsa Pemikiran Suhaimi Haji Muhammad dan Malim Ghozali Pk, anjuran Karyawan Perak, 5 dan 6 Mac, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak.

- Mana Sikana (1988). *Sastera Islam Dalam Pembinaan*. (Peny.), Selangor: Penerbit Karyawan.
- Mana Sikana. (1985). "Yahya M.S Sebagai Penyair Islam" dlm *Bahana*. Januari : Jil 20, Bil 50. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Sastera.
- Mana Sikana. (2001). "Teori Sastera Taabudiyah dan Kaedah Analisisnya" dlm Pertemuan Sastera Nusantara. Anjuran Angkatan Sasterawan Dan Sasterawani (ASTERAWANI), Bandar Seri Begawan.
- Mana Sikana. (2004). "Teks Berwadah Pengabdian" dlm *Dewan Sastera*, Oktober. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Shahidan. (1998). "Suhaimi Muhammad: Yang Kontroversi itu Apa?" dlm. *Dewan Sastera*, Bil.4, Jil.28: April. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Shahidan. (2010). "Suhaimi Haji Muhammad Avant Garde" dlm *Dewan Sastera*, November. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Thani Ahmad dan Sarah Sardon. (1981). *Wajah Biografi Penulis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Morsidi Haji Muhammad. (2003). "Kata Pengantar" dlm. *Perjalanan Terakhir Anakku Yang Hilang*. Bandar Seri Begawan: Universiti Brunei Darussalam.
- Morsidi Haji Muhammad. (2006). "Puisi Yahya M.S: Antara Penggunaan Citra dan Perlambangan dengan Tema" dlm. *Pangsura*, Jan-Jun 2006. Bil.22, Jil.12. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Morsidi Haji Muhammad. (2006). *Puisi Moden Brunei Sebelum Merdeka: Satu Kajian Tentang Tema Citra dan Perlambangan*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Morsidi Haji Muhammad. (2010). *Puisi Moden Brunei Sebelum Merdeka (1940 – 1983): Satu Kajian Tentang Tema, Citra dan Perlambangan*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Morsidi Haji Muhammad. (2011). *Puisi Islam Brunei Darussalam Dalam Hubungannya Dengan Puisi Islam Nusantara*. Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan Pustaka.
- Nahmar Jamil. (1971). "Bunga di Atas Batu, Penyair Suhaimi Tidak Boleh Diketepikan" dlm Utusan Zaman, Edisi 31 Januari. Malaysia.
- Nassury Ibrahim. (1998). "Suhaimi Haji Muhammad: Penyair yang Terus Hidup" dlm *Dewan Sastera*, Julai. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rahman Shaari. (1975). "Puisi Suhaimi Seratus Peratus Prosa?" dlm. Berita Mingguan, Edisi 1 Jun. Malaysia.
- Rahman Shaari. (1987). "Sajak-sajak Suhaimi Haji Muhammad: Idea Baru Yang Longgar" dlm *Bacaria*. Kuala Lumpur: terbitan Kumpulan Karangkrif Sdn Bhd.
- Rahman Shaari. (2016). "Kekaburan dan Kejelasan Makna Dalam Puisi" dlm *Dewan Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ramli Isin. (1974). "Reformis dalam perkembangan teknik perpuisian Melayu di Malaysia" dlm. *Utusan Zaman*, 5 Mei. Kuala Lumpur: Kumpulan Utusan.
- Rizal CA. (2015). "Suhaimi Haji Muhammad: Penyair Sufi Dalam Kenangan" dlm *Dewan Sastera* Februari. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rosidah Endot. (2015). "Sajak Islami Menghimpun Pengajaran" dlm *Dewan Sastera*, November. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rosna Mohd Khalid. (2008). "Puisi-Puisi Eksperimen: Kerelevanan dan Signifikannya Dalam Sajak melayu Moden" dlm *Jurnal Melayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rozninah Abd. Azib (1998). "Antara Konvensional dengan Ekperimental" dlm 'daripada editor' *Dewan Sastera*, Bil.4, Jil.28: April. (Peny.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rozninah Abd. Azib (1998). "Tanggapan para Pengkritik Sastera terhadap Suhaimi Muhammad" dlm. *Dewan Sastera*, Bil.4, Jil.28: April. (Peny.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rusli A Malem. (1981). "Sajak-sajak Suhaimi Haji Muhammad dalam Antologi Lilin Seinci" dlm *Mimbar Umum*, Jakarta: Perpustakaan Nasional.
- Sahlan Mohd. Saman. (1976). "Pengkritik Harus Belajar Dari Penulis? -Sarana Suhaimi Aneh" dlm *Utusan Zaman*, edisi 26 Disember. Malaysia.
- Samsina Abd. Rahman. (2013). "Kembali Ke Fitrah Dalam Puisi-Puisi Suhaimi Haji Muhammad" dlm *Jurnal Melayu*, Jilid 11, Dis. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Samsina Hj. Abd. Rahman. (2014). "Pemikiran Tasawuf Dalam Puisi Suhaimi Haji Muhammad" dlm *Dewan Sastera*, November. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shansudin Othman. (2018). "Eksistensialisme Dalam Puisi: Antara Kebijaksanaan Dengan Keberanian" dlm *Dewan Sastera*, Bil.8, Jilid 48: Mac. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Suhaimi Haji Muhammad. (1982). *Di Malam Gelita Ini*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Suhaimi Haji Muhammad. (1988). "Isu-isu Penting dalam pembicaraan Sastera Islam" dlm. *Sastera Islam Dalam Pembinaan*. Selangor: Penerbit Karyawan.
- Suhaimi Haji Muhammad. (1998). "Masalah Khilafiah di Ambang Penilaian Ilmu dan Karya Islam" dlm. *Dewan Sastera*, Bil.4, Jil.28: April. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Suhaimi Haji Muhammad. (1999). *Simfoni Perjalanan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Suhaimi Haji Muhammad. (2000). *At-Tariq: Kumpulan Puisi Mistik Dan Kerohanian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syahwal Nizam Haji Yani. (2018). "Pengabdian Yahya M.S Dalam Kumpulan Puisi Deru Perjalanan Kembali Seorang Abid" dlm Seminar Antarabangsa Penyelidikan Mengenai Melayu (SAPEMM) Kali ke-2, 28-30 Mac 2018, di ILIA, UBD.
- Syahwal Nizam Hj Yani (2020). "Dakwah Yahya M.S Dalam Kumpulan Puisi Deru Perjalanan Kembali Seorang Abid" dlm *Bahana* Bil: 426, Jil: 55, Jan-Feb. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syahwal Nizam Hj Yani. (2017). "Unsur Alam Dalam Kumpulan Puisi Perjalanan Kembali Dua Puluh Musim Karya Yahya M.S" dlm Seminar Antarabangsa Pengajian Lulusan Ijazah kali ke-4 (SAPLI 2017) 1-2 November 2017, Shah Alam, Selangor, Malaysia.
- Syahwal Nizam Hj Yani. (2018). "Perjalanan Terakhir Anakku Yang Hilang Karya Yahya M.S.: Dialek Melayu Brunei dan Jati Diri" dlm. *Bahana* Bil: 418, Jil:53, Mei-Jun. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yahya Haji Ibrahim. (1996). "Persoalan Akhlak dalam Sastera" dlm *Simposium Serantau Sastera Islam*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yahya M.S. (1962). *Warna Menggugat Zaman*. Bandar Seri Begawan: Pustaka Chahaya Brunei.
- Yahya M.S. (1983). *Asas-Asas Kritik Sastera*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yahya M.S. (1988). *Perjalanan Malam Kalimantan Menuju Siang*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yahya M.S. (1992). *Jalan Perak Dari Sekolah Melayu Ke Masjidil-Haram di Makkah Al-Mukarramah*. Bandar Seri Begawan: Ibrahim Publisher Sdn. Bhd.
- Yahya M.S. (1998). *Menghayati Sastera Islam Abad Ke-21*. Bandar Seri Begawan : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yahya M.S. (2007). *Deru Perjalanan Kembali Seorang Abid*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yahya M.S. (2011). *Kesusasteraan: Cerminan Akhlak dan Kemanusiaan*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zabidin Ismail. (2010). "Perbincangan Biografi Suhaimi Haji Muhammad" dlm Seminar Memperkasakan Ketokohan Sasterawan Suhaimi Haji Muhammad dan Malim Ghazali Pk. Anjuran Karyawan Negeri Perak.